



**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' MOHD YAZID BIN SAIRI D.S.I.S.
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 12/2023**

21 DISEMBER 2023 | KHAMIS

**10.00 PAGI | DEWAN SIMFONI, TAMAN RIMBA BUKIT
LAGONG**

Assalamualaikum wbt & selamat pagi diucapkan.

Yang Berusaha Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi
Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormatkan Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh
Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri
Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ketua-ketua WHIP,
Majis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,
Majis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan, pihak media, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayah-Nya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.12/2023** bagi bulan **Disember** pada pagi yang berbahagia ini. Sempena mesyuarat majlis kali terakhir pada tahun ini, kita mengadakannya di Dewan Simfoni, Taman Rimba Bukit Lagong.

1. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

- 1.1 Untuk makluman, sehingga 30 November 2023, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa sebanyak **RM100.35 juta (87.43%)** daripada **RM114.78 juta**.
- 1.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak **RM 8.96 juta (74.67%)** berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak **RM 12 juta**.

2. NOTIS (BORANG E) DAN BIL CUKAI TAKSIRAN

- 2.1 Setelah tamat notis caj lewat pada **15 Oktober 2023**, MPS telah melaksanakan tindakan waran tahanan dengan caj sebanyak **RM100.00**. Caj ini akan dikenakan kepada akaun yang masih mempunyai tunggakan **RM200.00 ke atas**. Sebanyak **31,303 waran** telah dikeluarkan dan **13,340 waran** telah diserah sehingga **30 November 2023**. Pemilik dikehendaki membuat bayaran dalam tempoh 7 hari setelah waran dilaksanakan bagi mengelakkan tindakan sitaan harta alih diambil.

- 2.2 Orang ramai adalah diingatkan supaya menjelaskan tunggakan cukai taksiran bagi mengelakkan tindakan sitaan dan lelongan diambil ke atas harta alih dan premis masing-masing.
- 2.3 Untuk makluman, MPS telah mengeluarkan bil awal Cukai Taksiran bagi penggal 1/2024. Cenderahati berupa payung untuk bayaran setahun tahun 2024 bagi jumlah RM150.00 dan ke atas akan diberikan kepada pembayar terawal selagi stok masih ada.
- 2.4 MPS juga sedang meneruskan Kempen Bayaran Cukai Taksiran secara dalam talian (online) menerusi aplikasi MyMPS, Lazada, Shopee dan Cepat yang bermula sejak Januari 2023.

3. PERBAHARUI DAN BAYAR LESEN PERNIAGAAN DI PORTAL MYMPS

- 3.1 Selain itu, dalam dunia serba digital ini, bagi memberi kemudahan kepada para pelanggan, MPS telah menaiktaraf portal MyMPS untuk pelanggan melaksanakan transaksi dengan lebih mudah. Menerusi pautan <https://mymps.mps.gov.my> ini, pelanggan MPS

boleh memperbaharui dan membuat bayaran lesen perniagaan, sewaan gerai, permit bangunan dan perancang serta kompaun MPS.

- 3.2 Untuk bulan November 2023, jumlah keseluruhan kutipan yang diterima adalah sebanyak **RM 2,334,303.29** iaitu **3,819 transaksi**.

(Perincian untuk rujukan)

	Lesen Perniagaan	Sewaan Gerai	Permit Bangunan dan Perancang	Kompaun
Transaksi	2,339	867	34	579
Jumlah	RM 1,979,564.19	RM 288,668.50	RM 23,145.60	RM 42,925.00

4. PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN TAHUN 2024 MYMPS

- 4.1 Mulai 18 hingga 30 Disember 2023, MPS akan membuka kaunter bagi pembaharuan lesen perniagaan tahun 2024 di Lobi Menara MPS. Waktu pengoperasian adalah pada hari Isnin hingga Jumaat bermula pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang, manakala pada hari Sabtu bermula pukul 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari.
- 4.2 Semua pemilik juga diingatkan untuk membuat bayaran pembaharuan lesen perniagaan sebelum atau pada 31

Disember 2023 bagi mengelakkan caj fi proses lewat sebanyak 10% daripada jumlah aktiviti lesen dikenakan serta tindakan tutup dan sita premis.

- 4.3 Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Jabatan Pelesenan MPS di talian 03-6126 5942/43 atau layari www.mps.gov.my.

5. TERIMA KASIH KERAJAAN NEGERI SELANGOR

- 5.1 Selaras dengan pengumuman oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor di Pembentangan Belanjawan Bajet 2024 Negeri Selangor, Kerajaan Negeri Selangor akan memberikan Bantuan Kewangan Khas (BKK) 2023 sebanyak sebulan gaji atau minimum RM1,000 kepada kakitangan awam yang berkhidmat di bawah pentadbirannya yang akan dibayar pada 28 Disember 2023.
- 5.2 Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada bantuan keseluruhan sebanyak 2.5 bulan gaji kepada kakitangan awam yang sudah pun dimulakan menerusi BKK kali pertama sebanyak sebulan gaji minimum RM1,000 pada Hari Raya Aidilfitri pada Mei 2023.

5.3 Saya mewakili seluruh kakitangan MPS ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' Menteri Besar Selangor. Harapan saya agar inisiatif ini dapat meningkatkan lagi prestasi dan semangat kerja dalam kalangan warga MPS.

6. ULASAN 2023

6.1 Seterusnya, suka saya ingin berkongsi dengan semua tentang pencapaian, pengiktirafan dan kejayaan yang telah dilakar oleh MPS sepanjang tahun ini.

6.2 Untuk makluman, pada tahun 2023, MPS telah melaksanakan sebanyak **114 program** secara keseluruhan. Pelbagai program yang telah MPS laksanakan sama ada di peringkat jabatan sendiri, peringkat negeri dan jugak peringkat negara.

6.3 Sebagai contoh, Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia Madani sempena Jelajah #KitaSelangor Aidilfitri yang telah diadakan pada 14 Mei 2023 telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran lebih 35 ribu pengunjung. MPS dengan

kerjasama 22 agensi daerah Gombak telah menyediakan sebanyak 29 buah gerai dan menghidangkan 42 jenis menu kepada seluruh pengunjung yang hadir. Program berskala besar ini juga telah dihadiri oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia bersama-sama YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.

6.4 Selain itu, saya juga ingin berkongsi beberapa anugerah yang telah berjaya dirangkul oleh MPS sepanjang tahun 2023 antaranya :

1. Anugerah Perak bagi Malaysia Technology Expo 2023 – MY AUGER kategori Public Service Innovation Asia (International);
2. Anugerah Gangsa bagi Greenwood A New Outlook kategori Placemaking and Public Space (Government Initiative – Municipal Council Category);
3. Sijil Anugerah 5 Bintang bagi Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) kategori Pihak Berkuasa Tempatan;

4. Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 (QMS) dan Pensijilan Peringkat ke-2 ISO/IEC 27001:2013 (ISMS) oleh SIRIM QAS International oleh SIRIM QAS International Kategori PBT (Peningkatan Imej);
5. Anugerah Kemampanan Bandar (MURNInets) sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia;
6. Johan bagi sukan ping pong dan golf di Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan (MALA) Tahun 2023 kategori Sukan Pihak Berkuasa Tempatan dan Kejohanan Sukan Badan Berkanun (SUKANUN) Tahun 2023 kategori Badan Berkanun;
7. Naib Johan Pertandingan Nyanyian Lagu Asli Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Kerajaan Negeri Selangor 2023;
8. Naib Johan Pertandingan Perarakan Terbaik dan Sepanduk Terbaik sempena Sambutan Maulidur Rasul Daerah Gombak Tahun 2023;
9. Anugerah Khas Komuniti Ceria Kebun Komuniti Flat Dadimur Taman Batu Caves sempena Hari

Anugerah Laman Hijau Negeri Selangor Tahun 2023; dan

10. Sijil Pematuhan SAGA bagi Sistem Aplikasi Perakaunan dan Kewangan MPS oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

- 6.5 Terima kasih dan tahniah saya ucapkan kepada semua jabatan atas kerjasama sepanjang tahun ini. Semoga kita dapat mengekalkan dan meneruskan usaha pada tahun-tahun akan datang. Sama-sama kita terus bersatu untuk mencapai matlamat, visi dan misi MPS.
- 6.6 Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak media yang telah banyak membuat liputan berita mengenai MPS yang sahih dan tepat untuk disampaikan kepada orang awam.

7. PENGHARGAAN KEPADA AHLI MAJLIS

- 7.1 Saya juga ingin menyampaikan ucapan penghargaan saya kepada semua Ahli Majlis MPS bagi sesi 2023. Terima kasih kerana telah menjalankan khidmat bakti dan menyantuni masyarakat di kawasan yang telah diamanahkan serta melaksanakan tanggungjawab

walau di mana kawasan yang telah ditetapkan oleh pihak MPS.

- 7.2 Diharapkan komitmen dan tenaga serta idea yang disumbangkan menjadi kenangan yang paling terindah sepanjang berkhidmat di Majlis Perbandaran Selayang.

8. SELAMAT HARI NATAL 2023

- 7.1 Akhir kata, saya mewakili seluruh warga MPS ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal kepada semua yang beragama Kristian dan Selamat Menyambut Tahun Baharu 2024.
- 7.2 Semoga semoga ketibaan tahun baharu ini akan memberi suntikan azam yang lebih kukuh dan semangat untuk mencapai kejayaan.

Sekian, wabillahi Taufik wal hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.